

PERSEPSI PELAJAR DIPLOMA AKAUNTANSI TERHADAP
PROGRAM LATIHAN INDUSTRI : TINJAUAN DI POLITEKNIK
SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH,
JITRA, KEDAH DARUL AMAN

LAILA BINTI MUSA



KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI
TUN HUSSEIN ONN

SCANNED
AVAILABLE ONLINE

PERPUSTAKAAN KUI TTHO

3 0000 00119509 2



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS KAJIAN KES

JUDUL: PERSEPSI PELAJAR DIPLOMA AKAUNTANSI TERHADAP PROGRAM LATIHAN INDUSTRI: TINJAUAN DI POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH, JITRA, KEDAH DARUL AMAN

SESI PENGAJIAN: _____ SEMESTER I SESI 2001/2002

Saya _____ LAILA BINTI MUSA (MT001228)
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan Kajian Kes ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Kajian Kes ini adalah hak milik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Kajian Kes ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. *Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD



(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh



(TANDAPANGAN PENULIS)

(TANDAPANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:
159, Taman Sri Changlun II
06010 Changlun
Kedah Darul Aman

Encik Ahmad bin Esa
Nama Penyelia

Tarikh: 30 OGOS 2001Tarikh: 30 OGOS 2001

CATATAN: * Jika Kajian Kes ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh Kajian Kes ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

PENGESAHAN PENYELIA

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)”.

TANDATANGAN : 
NAMA PENYELIA : ENCIK AHMAD BIN ESA
TARIKH : 30 OGOS 2001

PTT ALUTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH



**PERSEPSI PELAJAR DIPLOMA AKAUNTANSI TERHADAP
PROGRAM LATIHAN INDUSTRI: TINJAUAN DI POLITEKNIK
SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH,
JITRA, KEDAH DARUL AMAN**

LAILA BINTI MUSA

Kajian kes ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)

**Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

OGOS 2001



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGAKUAN

“Saya akui kajian kes yang bertajuk ‘Persepsi Pelajar Diploma Akauntansi Terhadap Program Latihan Industri: Tinjauan Di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah, Jitra, Kedah Darul Aman’ adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

TANDATANGAN : 
NAMA PENULIS : LAILA BINTI MUSA
TARIKH : 30 OGOS 2001



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

DEDIKASI

Wadah ilmu ini dititipkan khas buat:

*Allahyarham ayahanda Musa bin Lebai Jusoh dan
allahyarhamah bonda Zahrah binti Daud yang telah pergi...
Kerana kalian anakanda di sini untuk mengharungi perjalanan hidup yang
belum pasti di manakah noktahnya?*

Tidak lupa kepada....

*Bonda Saodah binti Abdul Rahman dan adik beradik yang telah banyak menabur budi,
terutamanya Kak Jamaliah, Abang Mizie dan Kak Habibah.*

*Terima kasih di atas kasih sayang kalian yang tidak terbalas. Semoga pengorbanan
kalian mendapat keberkatan yang Maha Esa dalam mengharungi nikmat
penghidupan yang lebih baik.*

PTTA ALUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Ahmad bin Esa, selaku penyelia kajian kes ini atas segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, galakan dan teguran yang membina sepanjang menyiapkan kajian ini.

Sekalung budi dan penghargaan juga ditujukan kepada Encik Mohd Yusop bin Ab. Hadi dan Encik Mohd. Izam bin Ghazali yang telah memberikan saranan, cadangan dan nasihat ke arah mendapatkan hasil kajian yang lebih baik.

Terima kasih kepada Encik Azhari Noor bin Ahmad, Ketua Pegawai Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) dan Cik Sarimah binti Che Hassan, pensyarah Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra di atas bantuan dan kerjasama bagi menyempurnakan kajian ini dengan jayanya.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada Azizee bin Aziz yang menjadi sumber inspirasi serta tidak pernah lokek dalam menghulurkan sokongan moral dan idea-idea bernas dalam menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan juga buat rakan-rakan seperjuangan yang tidak pernah sunyi dengan gelak tawa dan gurau senda. Galakan, pandangan dan kerjasama kalian amatlah dihargai.

Rakaman penghargaan ini turut ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan kajian ini.

ABSTRAK

Latihan industri merupakan suatu program yang bermanfaat dan merupakan sebahagian daripada kurikulum peringkat pengajian sijil dan diploma di Politeknik-politeknik Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi pelajar Diploma Akauntansi dari Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra terhadap program latihan industri. Responden adalah terdiri daripada 92 orang pelajar tahun akhir yang telah menjalani latihan industri semasa semester keempat. Borang soal selidik diedarkan untuk mendapatkan maklumat dan program SPSS 10.0 for Windows (Statistical Package for the Social Science version 10.0) digunakan bagi menganalisis data yang diperolehi. Kaedah kuantitatif telah digunakan bagi melaksanakan objektif kajian yang telah ditentukan. Dengan demikian, statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis dapatan persepsi responden terhadap program latihan industri. Hasil kajian melaporkan dapatan yang diperolehi berkenaan keberkesanan dan sumbangan program latihan industri. Semua responden mempunyai persepsi yang positif terhadap program berkenaan. Lima perkara yang dibincangkan berkenaan keberkesanan dan sumbangan latihan industri terhadap pelajar perakaunan ialah (a) memberi pendedahan kepada pelajar tentang alam pekerjaan sebenar; (b) menghubungkan teori kepada praktis; (c) membina kemahiran kepada pelajar dari segi kemahiran sosial, interpersonal dan teknikal; (d) menambahkan pengetahuan pelajar dan mempengaruhi pembelajaran mereka; dan (e) mempengaruhi keyakinan pelajar dari segi kebolehan diri dan mengesahkan kursus perakaunan adalah pilihan yang betul.

ABSTRACT

Industrial training is a commendable program and has been part of the curriculum for certificate and diploma level at all the polytechnics in Malaysia. The primary purpose of this study was to develop an understanding of the perceptions of Diploma in Accountancy students from Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra regarding the industrial training program. The respondents were 92 final year students who had gone industrial training during their fourth semester. Questionnaires had been distributed in order to obtain data and SPSS 10.0 for Windows (Statistical Package for the Social Science version 10.0) program was used to analyze the data. Quantitative method was used to address the research objectives of the study. In addition, descriptive statistic was used to analyze the students' perception of this program. From the result of this study, findings related to the effectiveness and contributions of the industrial training program are reported. All of the respondents have had a positive perception towards the program. Five primary themes emerged associated with the effectiveness and contributions of the industrial training program to the accountancy students. There are (a) giving students insight and exposure into the world of work; (b) linking theory to practice; (c) helping students to develop interpersonal, social and technical skills; (d) enhancing students knowledge and motivating their learning; and (e) placing students in a position to confirm their ability and validating the correctness of choosing accounting course.



POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM
PEMBUSTAKAAN TINGKATAN AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii

BAB I**PENGENALAN**

BAB I	PENGENALAN	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Soalan Kajian	7
	1.5 Tujuan Kajian	8
	1.6 Kerangka Teori	9
	1.6.1 Huraian Kerangka Teori	10

1.7	Kepentingan Kajian	12
1.8	Skop Kajian	13
1.9	Definisi Istilah Dan Operasional	14
1.9.1	Persepsi	14
1.9.2	Latihan Industri	14

BAB II SOROTAN KAJIAN

BAB II	SOROTAN KAJIAN	16
---------------	-----------------------	-----------

2.1	Pendahuluan	16
2.2	Kepentingan Latihan Industri	17
2.3	Pendedahan Pekerjaan Sebenar	20
2.4	Hubungan Teori Kepada Praktis	22
2.5	Kemahiran	23
2.6	Pengetahuan Dan Keyakinan	24
2.7	Model-model Penilaian Latihan Industri	25
2.7.1	Model <i>Work History</i>	25
2.7.2	Model <i>Broad Abilities</i>	26
2.7.3	Model <i>Negotiated Curriculum</i>	26
2.8	Rumusan	27

BAB III METODOLOGI KAJIAN

BAB III	METODOLOGI KAJIAN	28
----------------	--------------------------	-----------

3.1	Pendahuluan	28
3.2	Reka Bentuk Kajian	28
3.3	Responden/Sumber Data	29

3.4	Instrumentasi Kajian	30
3.4.1	Bahagian Soal Selidik	31
3.4.2	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	33
3.5	Kaedah Analisis Data	35
3.5.1	Analisis Data Bahagian II	35
3.6	Kajian Rintis	36
3.7	Batasan Kajian	37
3.8	Andaian Kajian	38

BAB IV ANALISIS DATA DAN DAPATAN

BAB IV ANALISIS DATA DAN DAPATAN 39

4.1	Pendahuluan	39
4.2	Persepsi Responden Terhadap Sumbangan Latihan Industri Dalam Memberi Pendedahan Tentang Alam Pekerja Sebenarnya	40
4.3	Persepsi Responden Terhadap Sumbangan Latihan Industri Dalam Menghubungkan Teori Kepada Praktis	42
4.4	Persepsi Responden Terhadap Sumbangan Latihan Industri Dalam Membina Kemahiran Kepada Pelajar	45
4.5	Persepsi Responden Terhadap Sumbangan Latihan Industri Dalam Menambahkan Pengetahuan Dan Mempengaruhi Pembelajaran Mereka	47
4.6	Persepsi Responden Terhadap Sumbangan Latihan Industri Dalam Memberi Keyakinan Kepada Pelajar Dari Segi Kebolehan Diri Dan Kursus Perakaunan	50
4.7	Rumusan	53



BAB V
PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

BAB V	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	54
5.1	Pendahuluan	54
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	55
5.2.1	Perbincangan Hasil Kajian Persepsi Responden Terhadap Sumbangan Latihan Industri Dalam Memberi Pendedahan Tentang Alam Pekerjaan Sebenar	55
5.2.2	Perbincangan Hasil Kajian Persepsi Responden Terhadap Sumbangan Latihan Industri Dalam Menghubungkan Teori Kepada Praktis	57
5.2.3	Perbincangan Hasil Kajian Persepsi Responden Terhadap Sumbangan Latihan Industri Dalam Membina Kemahiran Kepada Pelajar	59
5.2.4	Perbincangan Hasil Kajian Persepsi Responden Terhadap Sumbangan Latihan Industri Dalam Menambahkan Pengetahuan Dan Mempengaruhi Pembelajaran Mereka	60
5.2.5	Perbincangan Hasil Kajian Persepsi Responden Terhadap Sumbangan Latihan Industri Dalam Memberi Keyakinan Kepada Pelajar Dari Segi Kebolehan Diri Dan Kursus Perakaunan	62
5.3	Rumusan Perbincangan	63
5.3	Cadangan Dan Saranan	65
5.4	Penutup	69
	RUJUKAN	70
	LAMPIRAN	
	Lampiran A - E	73 – 117



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Jadual Populasi Responden	29
3.2	Skala Pemeringkatan Likert	31
3.2	Jadual Spesifikasi Item Instrumen	33
3.3	Jadual Tafsiran Min	36
4.1	Analisis Deskriptif Persepsi Responden Terhadap Sumbangan Latihan Industri Dalam Memberi Pendedahan Tentang Alam Pekerjaan Sebenar	40
4.2	Analisis Deskriptif Persepsi Responden Terhadap Sumbangan Latihan Industri Dalam Menghubungkan Teori Kepada Praktis	43
4.3	Analisis Deskriptif Persepsi Responden Terhadap Sumbangan Latihan Industri Dalam Membina Kemahiran Kepada Pelajar	45
4.4	Analisis Deskriptif Persepsi Responden Terhadap Sumbangan Latihan Industri Dalam Menambahkan Pengetahuan Pelajar Dan Mempengaruhi Pembelajaran Mereka	48
4.5	Analisis Deskriptif Persepsi Responden Terhadap Sumbangan Latihan Industri Dalam Memberi Keyakinan Kepada Pelajar Dari Segi Kebolehan Diri Dan Kursus Perakaunan	51



SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Persepsi Pelajar Terhadap Latihan Industri	9



SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	73
B	Analisis Kebolehpercayaan	78
C	Ringkasan Pemprosesan Data	80
D	Jadual Statistik Deskriptif	113
E	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Daripada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia	116



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sumber manusia merupakan faktor utama dalam usaha membangunkan sesebuah negara, sama ada dari segi meningkatkan produktiviti ataupun membantu matlamat negara. Perdana Menteri Y.A.B Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah merencanakan aspirasi negara Wawasan 2020 dengan hasrat utama untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian dan negara maju menjelang tahun 2020. Di antara cabaran utama yang perlu dihadapi adalah membentuk sebuah masyarakat makmur dengan ekonomi kukuh dan masyarakat progresif. Selain itu adalah untuk membentuk masyarakat Malaysia yang dapat memanfaatkan teknologi dan membentuk peradaban sains dan teknologi pada masa hadapan (Shahril dan Habib, 1999).

Oleh itu, unsur-unsur penting untuk menyahut cabaran ini ialah sumber tenaga manusia. Melalui kebolehan, kemahiran dan daya usaha sahaja yang boleh membantu Malaysia menjadi maju. Dengan demikian, adalah perlu untuk menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pembangunan sumber tenaga manusia terutamanya dalam bidang teknikal dan vokasional.

Selaras dengan usaha untuk membangunkan sumber tenaga manusia, latihan memainkan peranan penting bagi melahirkan individu-individu yang terlatih dan mahir

di samping mempunyai unsur-unsur sikap yang positif terhadap kerja seperti berdisiplin, dedikasi, gigih, beretika dan bermotivasi tinggi.

Ini dapat disokong dengan pendapat Isahak (1992) dalam Shahril dan Habib (1999:130-131) di dalam Pidato Umum Aminuddin Baki kali ke 4 yang menyatakan bahawa:

“Tenaga manusia yang diperlukan dalam masyarakat industri tentulah tenaga manusia yang cekap dan profesional, berfikiran terbuka untuk menerima dan mengkaji maklumat dan ilmu dan dapat membuat penyesuaian dengan cepat.”

Berhubung dengan permintaan semasa, penawaran buruh di Malaysia nyata tidak mencukupi. Kekurangan itu wujud di semua sektor dan semua paras kemahiran. Masalah kekurangan buruh yang berpanjangan ini mengakibatkan daya saingan negara menurun. Berdasarkan unjuran keperluan sumber tenaga manusia hingga tahun 2020, adalah dianggarkan bahawa negara kita akan mengalami kekurangan buruh sebanyak 6.2 juta dalam tempoh 15 tahun yang akan datang (Cheah Kooi Guan, 1994).

Memang tidak dinafikan bahawa negara kita mempunyai sebilangan institusi-institusi latihan awam seperti sekolah-sekolah teknik dan vokasional, politeknik, institut kemahiran MARA dan pusat-pusat latihan perindustrian. Malangnya bilangan graduan yang dihasilkan itu tidak mencukupi berbanding dengan permintaan buruh semasa yang semakin meningkat.

Oleh itu, keperluan adalah mendesak terhadap buruh berkemahiran dan situasi tersebut mewujudkan prospek yang cerah bagi sektor pendidikan terutamanya bagi aliran berbentuk teknikal dan vokasional. Menerusi kewujudan beberapa politeknik di seluruh negara, Malaysia mampu memiliki tenaga kerja mahir dan separa mahir. Dalam usaha memenuhi keperluan pasaran buruh, adalah wajar bagi kesemua politeknik Malaysia memainkan peranan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berwibawa dari segenap segi terutamanya kemahiran dan pemikiran yang tinggi. Selain itu, politeknik juga harus mampu menghadapi cabaran demi memenuhi hasrat dan menyahut seruan

kerajaan agar tenaga buruh yang dihasilkan oleh pusat-pusat pengajian di Malaysia adalah pekerja yang berkualiti dan mampu bersaing dalam sebarang bidang yang diceburi.

Sehubungan itu, bagi melahirkan pelajar-pelajar yang berwibawa, berkemahiran, bermotivasi tinggi dan menunjukkan contoh yang baik, telah termaktub di dalam kurikulum politeknik Malaysia mewajibkan pelajar-pelajarnya mengikuti program latihan praktikal atau lebih dikenali sebagai latihan industri. Setiap pelajar politeknik Malaysia diwajibkan menjalani dan lulus latihan industri selama 1 semester (6 bulan) yang dijalankan pada semester ketiga bagi kursus sijil dan semester keempat bagi kursus diploma. Tujuannya secara am adalah membantu pelajar dengan mendedahkan mereka kepada praktis atau pengalaman pekerjaan sebenar dalam mendapatkan beberapa kemahiran profesional serta membangunkan kualiti personal seseorang.

Oleh yang demikian, adalah perlu untuk pengkaji meninjau maklum balas daripada pelajar yang telah menjalani latihan industri untuk membantu politeknik meningkatkan mutu program latihan industri supaya bersesuaian dengan kehendak pihak industri dan negara.

1.2 Latar Belakang Masalah

Permintaan terhadap tenaga kerja yang berpendidikan dan mahir akan meningkat selaras dengan kepesatan perindustrian negara. Berikutan itu, negara ini memerlukan lebih ramai tenaga profesional di peringkat tinggi.

Politeknik merupakan salah satu institusi pengajian di peringkat tinggi yang menawarkan pendidikan di dalam bidang teknikal dan vokasional. Oleh itu, tidak dinafikan bahawa masyarakat memberikan harapan yang tinggi kepada politeknik

sebagai salah satu institusi pengajian yang utama untuk melahirkan tenaga kerja separa mahir yang berkualiti bagi kemajuan dan pembangunan negara.

Persoalannya di sini adakah politeknik-politeknik di Malaysia yang ada sekarang telah mengeluarkan graduan-graduan yang berkualiti bagi memenuhi pasaran tenaga buruh yang semakin mencabar? Menurut Shahril dan Habib (1999), masalah yang timbul di institusi pendidikan yang melatih tenaga kerja terlatih dan separa mahir ini terutamanya di bidang teknikal dan vokasional hanya menitikberatkan kursus berbentuk teori sahaja dan kurang menekankan aspek amali. Ini menyebabkan pelatih akan kekurangan kemahiran amali sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak industri. Tambahan pula, kurikulum pendidikan formal amnya dan subjek teknikal khususnya ada dikatakan terlalu konservatif, tradisional dan tertinggal berbanding dengan perubahan dan keperluan di dalam industri dan keadaan pekerjaan.

Satu lagi masalah yang perlu diberi perhatian serius dalam pembangunan sumber tenaga manusia dalam bidang teknikal dan vokasional ialah kelemahan sistem pendidikan di Malaysia yang terlalu menekankan pendidikan akademik di peringkat menengah atau peringkat tinggi. Misalnya 70% pelajar di peringkat tinggi mengikuti kursus dalam bidang sains sosial dan segelintir lagi iaitu 30% pelajar yang mengikuti bidang teknikal dan vokasional, berbanding di negara perindustrian atau negara-negara membangun lain (Shahril dan Habib, 1999).

Salah satu kursus diploma yang ditawarkan di politeknik-politeknik Malaysia ialah Diploma Akauntansi. Bidang akauntansi atau perakaunan yang merupakan satu daripada pelbagai disiplin pendidikan teknikal dan vokasional juga tidak kurang hebatnya berbanding kursus kejuruteraan mahupun bidang-bidang jurusan perniagaan lain. Ini diakui oleh Claret (1983:166) yang menyatakan pendapatnya berkenaan perakaunan:

“It quantifies the facts in money terms, and provides a means for all, whatever their function, to talk about decisions to be made and to see whether reality turns out as it was forecast when the decision was being made. It helps everyone to

understand what is happening inside the business; governs relationships with those outside it like customers and suppliers; and helps to describe the conditions surrounding it, like customer demand, taxation, and economic trends such as slump or boom.”

Bidang perakaunan juga memerlukan tahap pengetahuan dan kemahiran yang tinggi. Oleh itu, kepentingan latihan adalah ditekankan oleh firma perakaunan. Sehubungan itu, setiap individu yang ingin bergelar akauntan perlu menjadi ahli badan ikhtisas perakaunan dengan mengikuti latihan selama 3 tahun. Di Malaysia, badan ikhtisas perakaunan adalah Institut Akauntan Malaysia. Ini bermakna bukannya mudah untuk menjadi ahli profesional. Adalah sebaik-baiknya pengetahuan dan kemahiran dalam bidang ini dikuasai dan didedahkan di peringkat pengajian lagi.

Education and Training Journal (1990) telah mendedahkan satu kajian yang menunjukkan bahawa kebanyakan graduan perakaunan masih kekurangan kemahiran walaupun mempunyai tahap ilmu pengetahuan yang tinggi. Kenyataan ini menggambarkan mereka kurang didedahkan dengan latihan dan perlu dipertingkatkan agar mencapai tahap kecekapan yang tinggi dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan.

Oliver dan Que (1996) turut menyatakan bahawa salah satu kekurangan dari segi kelayakan graduan perakaunan adalah pengalaman latihan industri. Mengikut pendapat mereka, keadaan ini wujud kerana tiada korelevanan di antara kurikulum perakaunan dengan jangkaan daripada pihak majikan atau industri. Selain itu, hasil kajian daripada Nicholson dan Moss (1990) menunjukkan bahawa sesetengah individu yang sukar mendapat pekerjaan adalah disebabkan oleh kebolehan mereka yang tidak dapat disesuaikan dengan kehendak industri. Keadaan ini adalah disebabkan oleh ketidaksesuaian kurikulum dengan kehendak industri.

Oleh itu, adalah menjadi harapan program latihan industri yang dijadikan sebagai mata pelajaran wajib di politeknik akan menjadi salah satu penyelesaian kepada kerunsingan dan kebimbangan masyarakat ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Hubungan di antara pengajian akademik dengan amalan industri merupakan elemen yang penting bagi seseorang pekerja terlatih. Merujuk Abdullah Sanusi (1993), latihan industri yang dijalankan di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi dilihat sebagai satu cara untuk mengatasi kekurangan tenaga kerja mahir. Ini bersesuaian dengan pendapat Shahril dan Habib (1999) yang menyatakan pendidikan dan latihan akan dapat meningkatkan produktiviti dan boleh memperbaiki sosio ekonomi penduduk di negara ini.

Seterusnya berdasarkan Prosper (Dennis, 1996), kebanyakan firma perakaunan awam mendapatkan pekerja yang berkualiti di samping mengekalkan kos yang minimum. Kajiannya telah mendapati bahawa dengan mengambil lulusan pengajian tinggi yang telah mengikuti latihan industri dapat membantu firma perakaunan mencapai kedua-dua matlamat tersebut.

Berdasarkan kepada hasil kajian Armanjaya (2000) di Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO), program latihan industri memperlihatkan satu kejayaan bagi menghasilkan tenaga kerja yang diperlukan negara pada masa kini dan akan datang. Walau bagaimanapun, menurutnya pelajaran teori dan amali yang telah dipelajari tidak bersangkut paut dengan perkara yang dilakukan semasa menjalani latihan industri.

Berbeza dengan kajian oleh Ismail (1999) di Politeknik Sultan Ahmad Shah, Pahang (POLISAS) yang menunjukkan bahawa program latihan industri berupaya meningkatkan kemahiran, pengetahuan, pengalaman, kebolehan dan kefahaman pelajar terhadap bidang pengkhususan mereka.

Begitu juga dapatan kajian oleh Noorul 'Ashikin (2000) yang memperlihatkan kesan positif program latihan industri kepada graduan perakaunan dari Politeknik Kuching ke atas perlaksanaan kerja mereka di alam pekerjaan sebenar. Menurut beliau,

latihan berkenaan sangat menyumbang kepada aspek-aspek pelaksanaan kerja seperti membentuk sikap positif, kecekapan, keyakinan diri serta kemahiran merancang.

Sehubungan itu, hasil temubual dengan Ketua Pegawai Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra (POLIMAS), Encik Azhari Noor bin Ahmad telah menyatakan bahawa masih belum ada kajian kes yang dilakukan di organisasi tersebut berkenaan program latihan industri. Pengkaji juga mendapat sokongan yang menggalakkan daripada pihak UPLI POLIMAS untuk menjalankan kajian tinjauan berkenaan program latihan industri.

Berdasarkan pernyataan dan hasil kajian di atas, tidak dinafikan bahawa program latihan industri memang mempunyai kepentingan tersendiri kepada pelajar yang mengikutinya. Oleh yang demikian, timbul minat pengkaji untuk menumpukan kajian kepada persepsi pelajar Diploma Akauntansi Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah terhadap program latihan industri bagi mempelbagaikan skop daripada kajian terdahulu serta berhasrat untuk mengatasi sebarang kemungkinan kelemahan yang wujud daripada program latihan industri.

1.4 Soalan Kajian

Kajian yang dibuat ini adalah untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan-persoalan berikut:

- a) Sejauh manakah latihan industri memberi pendedahan tentang alam pekerjaan sebenar?
- b) Sejauh manakah latihan industri dapat menghubungkan teori kepada praktis?

- c) Sejauh manakah latihan industri membina kemahiran pelajar?
- d) Sejauh manakah latihan industri menambahkan pengetahuan pelajar dan mempengaruhi pembelajaran mereka?
- e) Sejauh manakah latihan industri memberi keyakinan kepada pelajar terhadap kebolehan diri dan kursus perakaunan?


1.5 Tujuan Kajian

Tujuan pengkaji menjalankan penyelidikan ini adalah untuk:

- a) Meninjau sejauh mana latihan industri memberi pendedahan tentang alam pekerjaan sebenar.
- b) Meninjau sejauh mana latihan industri menghubungkan teori kepada praktis.
- c) Meninjau sejauh mana latihan industri dapat membina kemahiran pelajar.
- d) Meninjau sejauh mana latihan industri dapat menambahkan pengetahuan pelajar dan mempengaruhi pembelajaran mereka.
- e) Meninjau sejauh mana latihan industri dapat memberi keyakinan kepada pelajar dari segi kebolehan diri dan kursus perakaunan.



1.6 Kerangka Teori



Sumber:

1. English, Denise M. dan Koeppen, David R. (1993). "The Relationship of Accounting Internships and Subsequent Academic Performance". *Issues in Accounting Education*. 8 (2). 292-299.
2. Fesler, Robert D. dan Caldwell, Charles W. (1999). *The Accounting Internship: A Win-Win for Employers and Students*. Retrieved 12th March 2001 on World Wide Web: http://www.tscpa.com/beta/journal/July-August/accounting_internship.htm.
3. Finch, Curtis R. dan Crunkilton, John R. (1999). *Curriculum Development in Vocational and Technical Education: Planning, Content and Implementation*. Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
4. Toohey, Susan dan Ryan, Greg. (1996). "Assessing the Practicum". *Assessment and Evaluation in Higher Education*. 21 (3). 215-227.
5. Vicary, Elizabeth. "Work Experience Across the Curriculum". dlm. Warwick, David. (1989). *Linking Schools and Industry*. England: Basil Blackwell Ltd. 164 - 178.

1.6.1 Huraian Kerangka Teori

Berdasarkan kepada Rajah 1.1 di atas, pelajar merupakan input kepada program latihan industri. Program latihan industri mewakili proses yang telah dilalui oleh pelajar. Program ini perlu dijalani selama 6 bulan di organisasi yang diluluskan oleh pihak Unit Latihan dan Perhubungan Industri (UPLI) politeknik dan merupakan salah satu syarat wajib dalam memenuhi penganugerahan diploma politeknik Malaysia.

Hasil daripada program latihan industri yang dilalui memberikan output iaitu kesan dan sumbangan kepada pelajar berkenaan. Kesan dan sumbangan yang telah dikenal pasti termasuklah pendedahan pekerjaan sebenar, hubungan teori kepada praktis, kemahiran, pengetahuan dan keyakinan.

Vicary dalam Warwick (1989) banyak mengemukakan tentang faedah kepada pelajar menerusi pengalaman kerja yang dilalui. Program latihan industri boleh dikatakan sebagai satu pengalaman kerja sementara bagi tujuan untuk mendapatkan pendedahan tentang persekitaran pekerjaan yang sebenar.

Program latihan industri banyak memberi manfaat kepada pelajar yang mengikutinya. Di antaranya ialah mendedahkan pelajar kepada dunia pekerjaan sebenar, memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan kefahaman teori kepada praktis serta membantu mereka dari segi membangunkan kemahiran-kemahiran tertentu seperti kemahiran profesional, sosial dan interpersonal.

English dan Koeppen (1993) pula membuktikan bahawa melalui kajiannya, latihan industri memberi kesan yang positif terhadap prestasi akademik pelajar. Ini menunjukkan bahawa latihan industri dapat meningkatkan pengetahuan, motivasi dan keyakinan pelajar yang boleh membantunya di dalam pembelajaran. Begitu juga dengan hasil kajian Fesler dan Caldwell (1999) yang menunjukkan bahawa latihan industri

memberi impak dari sudut keyakinan pelajar terhadap kursus yang diambil dan kebolehan dirinya.

Secara keseluruhannya, pembolehubah yang dikaji ini merupakan suatu bentuk maklum balas kepada objektif program latihan industri sama ada tercapai atau tidak. Sekiranya pelajar didedahkan dengan budaya kerja yang sebenar seperti semangat kerjasama, pergaulan dan interaksi yang baik sesama pekerja, ketepatan waktu dan berdisiplin, maka petunjuk ini membuktikan bahawa pelajar telah memmanfaatkannya. Oleh itu kesan dari latihan industri adalah positif dan ini bermakna objektif program latihan industri tercapai. Begitu juga sekiranya pelajar dapat menjadikan program latihan industri sebagai sumber rujukan dalam memilih jenis pekerjaan yang bersesuaian untuk masa hadapannya. Jika maklum balasnya adalah menjurus kepada kesan yang positif, maka latihan industri dianggap berkesan dan mencapai objektifnya.

Latihan industri bertujuan untuk membolehkan pelajar mengaplikasikan perkara yang dipelajari di politeknik dalam tugasnya semasa latihan. Sekiranya pelajar mendapati perkara yang dipelajari mempunyai kesinambungan atau relevan dengan amalan yang dilakukan serta dapat menguasai bidang tugasnya dengan cepat dan mudah, maka keberkesanan program ini tidak dipertikaikan.

Seterusnya latihan industri dapat memberikan manfaat kepada pelajar dari segi membangunkan kemahiran pelajar. Perkara ini termasuklah dapat membentuk atau mengukuhkan kemahiran teknikal, kemahiran sosial mahupun kemahiran interpersonal. Apabila kemahiran ini dapat dikuasai oleh pelajar, tidak dinafikan tentang keberkesanan program latihan industri yang ditawarkan kepada pelajar.

Latihan industri juga merupakan satu bentuk program yang membolehkan pelajar memperolehi pengetahuan baru dan terkini serta meningkatkan pengetahuan yang sedia ada bagi membantunya di dalam pelajaran dan juga kehidupan seharian. Jika maklum

balas yang diberikan oleh pelajar bahawa latihan industri dapat menambahkan ilmu pengetahuannya, ini bermakna objektif latihan industri tercapai.

Sekiranya latihan industri yang dijalani telah memberi dan menambahkan keyakinan pelajar terhadap kebolehan dirinya dan dapat menghadapi pelajaran bagi semester berikutnya dengan penuh semangat dan bermotivasi, maka impak program latihan industri adalah memberi petunjuk yang positif. Begitulah juga jika pelajar merasakan mereka lebih berkeyakinan terhadap kursus yang sedang mereka ikuti berikutan pendedahan latihan industri kepada alam pekerjaan yang realiti. Oleh yang demikian, objektif latihan industri dapat dicapai selaras dengan kesan dan sumbangannya kepada pencapaian pelajar.

Akhirnya dengan merujuk kepada Rajah 1.1, persekitaran merujuk kepada faktor yang mempengaruhi kepada keberkesanan program tersebut. Ini termasuklah institusi pengajian pelajar berkenaan, tempat latihan yang dijalani oleh pelajar, kerajaan serta masyarakat persekitaran.

1.7 Kepentingan Kajian

Pengkaji menjalankan kajian ini supaya dapat memberikan kepentingan kepada pihak-pihak tertentu seperti berikut:

- a) Dapat mempertingkatkan mutu program latihan industri agar selari dengan objektif latihan industri dan matlamat kurikulum kursus perakaunan.
- b) Mencapai objektif utama latihan industri dalam memberi pendedahan kepada pelajar untuk menyesuaikan diri dengan alam pekerjaan sebenar

dan tidak kekok untuk melakukan tugas dan kerja yang diberikan oleh majikan.

- c) Kepentingan kepada pelajar tentang keperluan program latihan industri untuk kebaikan dan faedah kepada mereka apabila berada di alam pekerjaan kelak.
- d) Kepentingan kepada pihak majikan sebagai input yang berharga dalam merancang, menyediakan dan membuat keputusan dari aspek latihan kepada bakal pelatih atau pelatih yang sedia ada bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produktiviti firma mereka.
- e) Kepentingan kepada penyelidik seterusnya untuk menjalankan kajian yang berkaitan dengan lebih terperinci.

1.8 Skop Kajian

Pengkaji menumpukan kajian kepada persepsi pelajar-pelajar tahun akhir Diploma Akauntansi Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah terhadap program latihan industri yang telah mereka jalani. Persepsi ini dilihat dari sudut implikasi program latihan industri dalam memberi pendedahan tentang alam pekerjaan sebenar, hubungan kefahaman teori kepada praktis, membina kemahiran pelajar, menambahkan pengetahuan pelajar dan mempengaruhi pembelajaran mereka serta memberi keyakinan kepada pelajar dari segi kebolehan diri dan kursus perakaunan. Skop kajian yang dinyatakan seperti di atas adalah bertujuan supaya tidak terpesong dari tujuan penyelidikan yang dijalankan.



PTTA UTHM
PERSUATAN TUN AMINAH

1.9 Definisi Istilah Dan Operasional

1.9.1 Persepsi

Woolfolk (1993:245) mendefinisikan persepsi sebagai “terjemahan maklumat sensori (berdasarkan pengetahuan sedia ada)” manakala Slavin (1997:186) mentakrifkannya sebagai “terjemahan tindak balas seseorang terhadap fikiran, pengalaman lepas, pengetahuan, motivasi dan lain-lain”.

Menurut Mohamad Najib (1999), persepsi ialah tanggapan atau pandangan atau sikap terhadap sesuatu perkara atau pernyataan seseorang tentang sesuatu perkara atau nilai. Ringkasnya adalah tingkah laku yang berdasarkan pengalaman lepas yang mempengaruhi tindakan akan datang. Ini adalah kerana faktor terpenting yang mempengaruhi sebarang tanggapan ialah pengalaman lepas.

Bagi tujuan kajian ini, persepsi merujuk kepada pandangan atau tanggapan pelajar tahun akhir Diploma Akauntansi Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra tentang program latihan industri yang telah mereka jalani.

1.9.2 Latihan Industri

Mondy et al. (1999) mentakrifkan latihan industri sebagai satu bentuk pengambilan pekerja yang melibatkan penempatan pelajar dalam melakukan kerja sementara, tanpa sebarang obligasi sama ada dari segi firma mengambalnya sebagai pekerja tetap atau pelajar berkenaan menerima jawatan tetap selepas tamat pengajian.

Dalam kajian ini, latihan industri merujuk kepada mata pelajaran amali atau latihan praktikal yang wajib lulus dan dijalani oleh pelajar Diploma Akauntansi selama 6 bulan bagi melayakkan mereka menerima penganugerahan diploma.

Latihan industri merupakan satu titik tolak bagi pelajar-pelajar politeknik mengenali dunia pekerjaan sebenar dengan lebih dekat di samping membantu mereka dalam meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan menimba pengalaman baru. Maka satu tinjauan dibuat tentang apakah persepsi pelajar Diploma Akauntansi terhadap program latihan industri? Oleh itu, pelajar-pelajar semester akhir Diploma Akauntansi Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra menjadi kumpulan sasaran bagi mengenal pasti pernyataan di atas.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Hari ini, dalam dunia yang serba canggih dan semakin moden serta mencabar, keperluan latihan merupakan sesuatu yang dimestikan. Menurut Wan Azmi (1998), lazimnya sesuatu yang berkembang luas dan maju itu menimbulkan banyak masalah dalam proses penyelesaiannya dan secara tidak langsung kita dapat memperdalamkan dan menajamkan pemikiran serta ilmu pengetahuan. Sehubungan itu, tidak dinafikan bahawa betapa mustahaknya latihan dalam semua bidang termasuklah di peringkat pengajian.

Kamus Dewan (1989:718) mentakrifkan latihan sebagai “pelajaran atau didikan untuk memahirkan (membiasakan), ajaran yang diterima”. Selain itu, Wan Azmi (1998) turut menggariskan beberapa matlamat latihan, di antaranya ialah untuk memperdalam, memperluas dan meninggikan pengetahuan, mempertajamkan kemahiran serta dapat mengubah sikap selaras dengan kehendak, falsafah, nilai dan etika kerja.

Menurut Wellington (1993), persediaan kepada dunia pekerjaan adalah salah satu tujuan utama pendidikan. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan kepada pendidikan untuk menyediakan latihan kepada para pelajar.

2.2 Kepentingan Latihan Industri

Latihan industri kadang-kala dikenali sebagai latihan praktikum, penempatan industri, program 'sandwich', pendidikan secara kerjasama atau koperatif dan lain-lain yang berbentuk program pendidikan profesional (Toohey dan Ryan, 1996). Matlamat utama latihan industri adalah untuk mendedahkan pelajar dengan suasana pekerjaan yang sebenar serta memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan dan menghubungkan kefahaman teori dan praktis (amali) di organisasi mereka ditempatkan.

Menurut Unit Latihan dan Perhubungan Industri (2000), di antara objektif latihan industri adalah seperti berikut:

- a) Untuk mendedahkan pelajar-pelajar ke alam pekerjaan.
- b) Untuk menanam semangat kerja berpasukan dan perhubungan baik sesama pekerja.
- c) Membolehkan pelajar melihat kaitan di antara teori yang dipelajari di kelas dengan kerja-kerja praktikal.
- d) Untuk mengamalkan peraturan-peraturan keselamatan dalam industri.
- e) Untuk meningkatkan pekerti amanah dan bertanggung jawab.
- f) Untuk mengukuhkan keyakinan diri.

Johari (1993) berpendapat bahawa latihan industri adalah penting kerana program ini dapat membantu pelajar dari segi memperolehi pendedahan kepada praktis sebenar, kemahiran profesional dan membangunkan kualiti personal yang boleh disesuaikan atau memenuhi sesuatu profesional. Kesemua ini tidak dapat dipelajari di dalam kelas melainkan didedahkan dengan persekitaran kerja yang sebenar. Melalui

pendedahan, pelajar akan dapat membuat persepsi yang lebih baik tentang disiplin bidang yang diceburinya. Ini dapat disokong oleh Toohey dan Ryan (1996) yang menggariskan beberapa kepentingan kepada pelajar dalam menjalani latihan industri iaitu:

- a) Membolehkan pelajar membuat tanggapan dan pemahaman tentang dunia pekerjaan dan membantu mereka mengintegrasikannya di dalam persekitaran pekerjaan.
- b) Membantu pelajar dari segi membangunkan kemahiran profesional, kemahiran sosial dan kemahiran interpersonal.
- c) Membantu pelajar dalam menghubungkan teori kepada praktis.
- d) Mengukuhkan pengetahuan berkenaan prospek pekerjaan kepada graduan.

Selain itu, Mondy et al. (1999) menyatakan bahawa semasa menjalani latihan industri, pelajar dapat memberi sumbangan kepada organisasi berkenaan melalui pelaksanaan dan persembahan tugas-tugas semasa latihan. Oleh itu, pelajar boleh mengenal pasti sama ada organisasi tersebut merupakan majikan yang diinginkan ataupun tidak berdasarkan kepada ciri-ciri dan corak pentadbiran organisasi tersebut.

Seterusnya Fesler dan Caldwell (1999) mengenengahkan beberapa faedah yang boleh diperolehi oleh majikan dan pelajar yang mengikuti latihan industri, khususnya pelajar bidang perakaunan. Di antara faedah kepada pelajar yang mengikuti latihan industri ialah program ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengesahkan bahawa bidang perakaunan adalah pilihan yang betul dan meyakinkan mereka tentang peranan dan kebolehan mereka melakukan kerja di dalam persekitaran sebenar. Ini diakui oleh salah seorang pelajar dalam kajian Fesler dan Caldwell (1999) yang telah mengatakan bahawa "My internship helped me develop necessary skills and improve my knowledge base, and it has assured me that I chose the right field of study".

Selain itu, faedah kepada pelajar adalah dari segi manfaat akademik daripada program latihan industri membolehkan pelajar mempunyai motivasi yang tinggi dan membawa perubahan baru dalam corak pembelajaran mereka. Hasil kajian Fesler dan Caldwell (1999) ini juga menunjukkan bahawa pelajar yang telah menjalani latihan industri lebih aktif dalam perbincangan kelas dengan penambahan pengetahuan yang mereka pelajari di tempat latihan.

Seterusnya, faedah program latihan industri kepada pelajar yang telah dikenal pasti oleh Fesler dan Caldwell (1999) ialah pelajar memperolehi pengalaman profesional. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa pelajar yang telah menjalani latihan industri mendapati mereka cepat menerima dan melakukan kerja dengan cepat serta berpuas hati dengan keseluruhan kerja dan tugas yang diberikan. Ini bermakna melalui pengalaman latihan industri dapat meningkatkan keyakinan pelajar tentang kebolehan dan keupayaan diri serta tanggung jawabnya.

Lain-lain faedah daripada program latihan industri termasuklah pelajar mulai mempelajari tentang kepentingan rangkaian, politik organisasi, kerja berpasukan, kemahiran sosial dan interpersonal serta komitmen diri untuk cemerlang.

Di antara faedah latihan industri kepada majikan adalah sebagai satu strategi pengstafan yang berkesan. Ini bermakna mereka akan menjadikan program ini sebagai satu landasan untuk menilai pelajar-pelajar bagi perancangan pengambilan kakitangan baru. Tempoh latihan industri juga boleh dijadikan sebagai tempoh percubaan yang sesuai untuk menilai kebolehan dan potensi pelajar untuk dijadikan sebagai kakitangan mereka apabila pelajar menamatkan pengajian kelak. Selain itu, latihan industri dapat mewujudkan hubungan yang baik dengan pihak institusi pengajian serta berpeluang mengenalkan organisasi berkenaan kepada awam melalui komunikasi pelajar kepada keluarga, rakan-rakan dan masyarakat (Fesler dan Caldwell, 1999).



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Menurut English dan Koeppen (1993), latihan industri juga dapat memberi faedah kepada institusi yang menawarkan program ini sebagai satu mata pelajaran. Di antaranya ialah meningkatkan hubungan kerjasama di antara institusi dengan organisasi yang menerima pelajar untuk menjalankan latihan industri, berpeluang mengenal pasti dan menilai keperluan-keperluan semasa dalam industri serta berpeluang menambahkan kurikulum dengan pengalaman praktikal pelajar sekiranya perlu.

2.3 Pendedahan Pekerjaan Sebenar

Latihan industri akan mendedahkan pelajar kepada dunia pekerjaan sebenar bagi memperolehi pengalaman. Menurut Vicary dalam Warwick (1989), pengalaman kerja yang merentasi kurikulum perlu ditekankan sekiranya mahukan pengalaman pembelajaran yang lebih berkesan dan relevan. Beliau telah mengemukakan beberapa faedah kepada pelajar menerusi pengalaman kerja. Di antaranya ialah:

- a) Menyediakan pelajar kepada peralihan dari institusi pengajian ke tempat kerja. Ini adalah bertujuan bagi pelajar dapat mengalaminya dalam situasi hari bekerja yang lama, hubungan pekerjaan yang baru dan memperolehi pengalaman tentang dunia pekerjaan.
- b) Pelajar dapat mengenal pasti hubungan di antara beberapa aspek dalam kurikulum. Ini dapat meningkatkan motivasi pelajar dan seterusnya memberi kesan positif kepada prestasi akademik mereka.
- c) Membolehkan pelajar menekankan kepada sasaran dan matlamat mereka untuk berjaya di dalam akademik dan menjadi contoh atau rujukan yang baik.

- d) Membantu pelajar menghargai bahawa dunia pekerjaan mempunyai peraturan dari segi pengurusan masa, etika berpakaian dan keselamatan di tempat kerja.
- e) Membolehkan pelajar memahami dengan mendalam tentang pilihan-pilihan vokasional.
- f) Membantu pelajar dalam membangunkan kemahiran sosial dan kemahiran interpersonal.
- g) Membolehkan pelajar menghadapi cabaran dan sekaligus memberi peluang kepada mereka untuk memperolehi pencapaian dan kebolehan diri.
- h) Mewujudkan hubungan yang baik dengan majikan.

Dengan melibatkan pelajar dalam operasi perniagaan, pelajar boleh mendapat manfaat dari segi pendedahan kepada cara bagaimana dunia perniagaan beroperasi, pelajar dapat mengukuhkan apa yang dipelajari di dalam kelas dan seterusnya menyediakan peluang bermakna dalam mengintegrasikan pembelajaran vokasional dan akademik. Selain itu juga dapat membantu mereka mempelajari dan mengukuhkan aplikasi kemahiran kerja berkumpulan dan penyelesaian masalah secara kumpulan serta dapat membetuk kemahiran sosial dan interpersonal yang baik (Finch dan Crunkilton, 1999).

Hasil kajian Noorul 'Ashikin (2000) ke atas graduan Diploma Akauntansi dari Politeknik Kuching telah menunjukkan bahawa program latihan industri memberi sumbangan yang besar terhadap perlaksanaan kerja sebenar serta dapat membantu dalam menyelesaikan masalah di tempat kerja. Menurutnya lagi, pelatih telah mengetahui tiga perkara penting dalam melaksanakan sesuatu tugas iaitu pengetahuan tentang bidang kerja, kemahiran untuk mengendalikan kerja serta sikap positif terhadap kerja.



Hasil daripada pendedahan kerja sebenar, dapatan kajian ini telah menyatakan bahawa graduan mudah menyesuaikan diri dengan pekerjaan mereka dan meningkatkan keyakinan diri serta mendorong mereka untuk menghadapi cabaran-cabaran dan idea-idea baru.

2.4 Hubungan Teori Kepada Praktis

Latihan industri dapat memberikan peluang kepada pelajar untuk menghubungkan segala teori yang telah dipelajari dengan kerja-kerja praktik yang dilakukan. Ini menambahkan kefahaman dan kemahiran pelajar dalam bidang yang telah dipilih. Melalui pengalaman kerja, secara tidak langsung pelajar dapat mengenal pasti kaitan di antara teori yang dipelajari dengan praktis di organisasi. Vicary dalam Warwick (1989) telah menyatakan bahawa hubungan kurikulum adalah penting dengan perkara yang diperolehi oleh pelajar semasa mendapatkan pengalaman kerja melalui latihan industri. Ini adalah kerana pengalaman kerja akan merangsang dan menggalakkan pelajar untuk mengaitkan semula dengan pembelajaran teori yang telah dipelajari, menjadikan pengalaman kerja lebih bermakna, mereka lebih memahami dalam setiap bidang kerja yang dilakukan dan memudahkan pelajar mempelajari sesuatu yang baru serta sebagai persediaan penuh untuk bidang kerja seterusnya.

Nicholson (1988) telah menggariskan dua keperluan yang dikehendaki oleh industri terhadap institusi pengajian tinggi. Pertama ialah sistem pendidikan haruslah mempunyai jangkaan dan pandangan yang positif tentang kehendak industri dan kedua ialah sistem pendidikan haruslah mengetahui dan memahami perkara yang berlaku di dalam industri mengikut keperluan semasa. Oleh itu, beliau berpendapat bahawa mata pelajaran yang tidak berkaitan dengan kehendak industri perlu dikeluarkan daripada struktur kurikulum. Ini adalah kerana melalui latihan pelajar akan menggunakan kembali segala pengetahuan sedia adanya dalam setiap tugas yang diberikan. Sekiranya pengetahuan yang dimiliki tidak berkaitan dengan kehendak industri, maka akan



PTAAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNGU AMINAH

sukarlah pelajar tersebut mengikuti latihan dan mempunyai pandangan serta sikap negatif terhadap latihan berkenaan. Dengan demikian, kunci utama menghubungkan pembelajaran yang bermakna dengan persekitaran kerja sebenar adalah melalui latihan industri.

Menurut Armanjaya (2000), pembelajaran secara teori dan amali adalah asas dalam sistem pengajaran dan pembelajaran bagi semua kursus pengajian. Tujuannya adalah bagi mengeluarkan graduan yang mampu membawa negara setaraf dengan negara maju dalam bidang sains dan teknologi selaras dengan Wawasan 2020, iaitu untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dalam bidang perindustrian. Walau bagaimanapun, menurutnya pelajaran teori dan amali yang dilaksanakan hendaklah selaras dengan perkembangan teknologi semasa.

2.5 Kemahiran

Menurut Slater dan Hanley dalam Warwick (1989), latihan merupakan salah satu cara untuk mengukuhkan kualiti pendidikan. Melaluinya dapat memberi beberapa kebaikan kepada pelajar dari segi kemahiran. Di antaranya ialah membangunkan kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran pengurusan melalui pembelajaran secara percubaan atau pembelajaran secara penyelesaian masalah.

Finch dan Crunkilton (1999) telah mengemukakan tujuh kumpulan kemahiran mengikut keutamaan daripada kemahiran yang tinggi kepada kemahiran paling asas yang diperlukan oleh majikan iaitu:

- a) Kemahiran kepimpinan.
- b) Kemahiran interpersonal dan kerja berpasukan.
- c) Pembangunan diri dan kerjaya serta bermotivasi.
- d) Mempunyai pemikiran yang kreatif dalam penyelesaian masalah.
- e) Kemahiran berkomunikasi secara lisan dan bertulis.

- f) Kemahiran asas, iaitu literasi dan numerasi; dan
- g) Berminat untuk belajar.

Nicholson (1988) pula telah menggariskan beberapa kualiti pelajar institusi pengajian tinggi yang diperlukan oleh sesetengah organisasi perniagaan. Di antaranya ialah kualiti minda, numerasi, kemahiran interpersonal dan mempunyai cita-cita untuk sentiasa berjaya.

Berbeza pula dengan Nicholson dan Moss (1990) yang telah melakukan kajian bagi mengenal pasti beberapa kemahiran yang diperlukan oleh industri. Hasil kajian mereka menunjukkan di antara kemahiran-kemahiran yang telah diringkaskan kepada lima adalah kemahiran interpersonal, nilai peribadi dan moral, kemahiran pengurusan diri, kemahiran kognitif dan kemahiran proses. Kemahiran interpersonal termasuklah kemahiran kepimpinan, hubungan dengan rakan-rakan, hubungan dengan orang yang lebih dewasa dan kemahiran yang terlibat dengan kerja berpasukan atau berkumpulan. Nilai dan moral termasuk kejujuran, pengurusan masa dan motivasi diri. Kemahiran pengurusan diri termasuklah menguruskan diri sendiri, mendahului keperluan utama dan berdikari. Kemahiran kognitif adalah terdiri daripada kemahiran literasi, lisan, numerasi dan kebolehan menyelesaikan masalah manakala kemahiran proses pula terdiri daripada sifat toleransi terhadap tugas rutin yang berulang dan kemahiran manipulatif.

2.6 Pengetahuan Dan Keyakinan

Tidak dinafikan bahawa kesan daripada mengikuti latihan industri dapat menambahkan pengetahuan dan keyakinan pelajar terhadap kebolehan mereka. Sehubungan itu, English dan Koeppen (1993) telah menjalankan kajian ke atas hubungan di antara program latihan industri dengan prestasi akademik pelajar perakaunan setelah menjalani program tersebut. Hasil kajian tersebut telah

RUJUKAN

- Abdullah Sanusi (1993). "Vocational and Further Training in a Large Malaysian Company". dlm. Patrick Pillai dan Ridzwan Othman. Learning to Work, Working to Learn. Kuala Lumpur: Goethe Institute and Institute of Strategic and International Studies. 97-109.
- Armanjaya Amirullah. (2000). Persepsi Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Semester 7 Terhadap Program Latihan Industri Di ITTHO: Satu Tinjauan. Institut Teknologi Tun Hussein Onn: Projek Sarjana Pendidikan.
- Cheah Kooi Guan, Dr. (1994). Kekurangan Buruh Dalam Ekonomi Malaysia. BHL Bank Economics Bulletin. 1-3.
- Claret, Jake. (1983). "Accountants in Business". Education and Training Journal. 25 (6): 166-167.
- Cohen, Louis dan Manion, Lawrence. (1994). Research Methods in Education. 4th ed. London: Routledge.
- Dennis, Anita. (1996). "The Next Generation". Journal of Accountancy. 182 (6): 89-92.
- Education and Training Journal. (1990). "Companies and Employees Call for More Training". Education and Training Journal. 32 (4): 26-27.
- Ee Ah Meng. (1991). Pedagogi: Satu Pengenalan. Edisi Kedua. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- English, Denise M. dan Koeppen, David R. (1993). "The Relationship of Accounting Internship and Subsequent Academic Performance". Issues in Accounting Education. 8 (2): 292-299.



PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

- Fesler, Robert D. dan Caldwell, Charles W. (1999). The Accounting Internship: A Win-Win for Employers and Students. Retrieved 12th March 2001 on World Wide Web: http://www.tscpa.com/beta/journal/July-August/accounting_internship.htm
- Finch, Curtis R. dan Crunkilton, John R. (1999). Curriculum Development in Vocational and Technical Education. Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Ismail Asis. (1999). Tinjauan Ke Atas Keberkesanan Program Latihan Industri Di Politeknik Sultan Ahmad Shah. Institut Teknologi Tun Hussein Onn: Projek Sarjana Pendidikan.
- Johari H. S. Othman. (1993). Industrial Training Program: Is it Necessary?. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan. (1989). Dewan Bahasa dan Pustaka. 718.
- Krejeie, R.V. dan Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research. Educational and Psychological Measurement. 30. 607-610.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). Penyelidikan Pendidikan. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nawi Ab Rahman. (2000). Teras Penyelidikan. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Mondy, R. W., Noe, R. M. dan Premeaux, Shane R. (1999). Human Resource Management. International edition. New Jersey: Prentice Hall International, Inc.
- Nicholson, Bryan. (1988). "What Industry Needs from Higher Education: 1". Education and Training Journal. 30 (4): 14-16.
- Nicholson, Michael dan Moss, Dennis. (1990). "Matching the Curriculum to the Needs of Industry". Education and Training Journal. 32 (6): 3-8.
- Noorul 'Ashikin Md. Salih. (2000). Persepsi Graduan Diploma Akauntansi Dari Politeknik Kuching, Sarawak Terhadap Program Latihan Industri: Satu Penilaian. Institut Teknologi Tun Hussein Onn: Projek Sarjana Pendidikan.
- Oliver, Thomas W. dan Que, Antonio L. (1996). "Employer Preferences for the Background of Entry-Level Accountants: Degree, Certification, Verification, Internship and Experience". Journal of Education for Business. 72 (2): 82-86.
- Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som. (1999). Isu Pendidikan Di Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sidi Gazalba, Drs. (1981). Pembimbing Latihan Ilmiah Dan Tesis. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.



PERPUSTAKAAN UNIVERSITI
 PERPUSTAKAAN TUN HUSSEIN ONN AMINAH

- Slater, Sidney dan Hanley, Terry. "An Active Partnership". dlm. Warwick, David. (1989). Linking Schools and Industry. England: Basil Blackwell Ltd. 120–130.
- Slavin, R. E. (1997). Educational Psychology Theory and Practice – Behavioral Theories of Learning. Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Sulaiman Ngah Razali. (1996). Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Toohy, Susan dan Ryan, Greg. (1996). "Assessing the Practicum". Assessment & Evaluation in Higher Education. 21 (3): 215-227.
- Unit Latihan dan Perhubungan Industri. (2000). Garis Panduan Latihan Industri Dan Penulisan Laporan. Kedah: Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.
- Uma Sekaran. (1992). Research Methods For Business: A Skill Building Approach. 2nd ed. Canada: John Wiley & Sons, Inc.
- Vicary, Elizabeth. "Work Experience Across the Curriculum". dlm. Warwick, David. (1989). Linking Schools and Industry. England: Basil Blackwell Ltd. 164–178.
- Wan Azmi Ramli. (1998). Latihan Profesional: Pendekatan kepada Teori – Strategi – Amali Dalam Latihan Profesional. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Wellington, Jerry. (1993). "Fit For Work? Recruitment Processes and the Needs of Industry". dlm. The Work Related Curriculum: Challenging the Vocational Imperative. London: Kogan Page Limited.
- Woolfolk, Anita E. (1993). Educational Psychology. 5th ed. Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Zaharatul Akmar Ahmad Zainuddin. (2000). Pandangan Pensyarah Dan Siswa-Siswi Terhadap Penggunaan Peta Minda Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO). Institut Teknologi Tun Hussein Onn: Projek Sarjana Pendidikan.



PUSAT PERPUSTAKAAN TUN HUSSEIN ONN
PEPUSAT PERPUSTAKAAN TUN HUSSEIN ONN